

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Status projek Pemindahan dan Pembangunan Semula Pangkalan Udara (PU) Butterworth ini masih di peringkat kajian cadangan. Kementerian Pertahanan akan mengkaji secara terperinci cadangan oleh Syarikat LTAT-TSR CAPITAL-PBT JV yang sedang menyediakan pelan cadangan tersebut.

Memandangkan bahawa projek ini baru diperingkat cadangan, maka adalah terlalu awal bagi Kementerian ini membuat ulasan ke atas persoalan-persoalan berkaitan bilangan anggota yang terlibat dengan pemindahan.